

PROMOSI “SPEND FOR CASH” RM10 KAD DEBIT HONG LEONG

Dikemaskini pada 1^{hb} September 2017

TEMPOH PROMOSI

“Promosi “Spend for Cash” RM10 Kad Debit Hong Leong” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) bermula pada 1^{hb} September 2017 dan berakhir pada 30^{hb} September 2017, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT (“T&S”)

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada pelanggan individu **terpilih** (tidak termasuk pelanggan Perbankan Prioriti dan Perbankan Persendirian) yang merupakan Pemegang Kad Debit Hong Leong atau Pemegang Kad Debit Mach dan yang telah menerima Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) dan Mel Terus Elektronik (“EDM”) daripada HLB (“Pemegang Kad Layak”). Bagi tujuan Promosi ini, seramai satu ratus (100) Pemegang Kad Layak akan dipilih oleh HLB untuk menyertai Promosi ini.

Pada dasarnya Pemegang Kad Layak bertanggungjawab dan/atau berkewajipan memastikan nombor telefon bimbit dan/atau alamat emel mereka yang berdaftar dengan HLB adalah betul dan kemas kini supaya dapat menerima SMS dan EDM, dan HLB tidak akan bertanggungjawab/dipertanggungjawabkan jika SMS dan EDM tidak diterima oleh Pemegang Kad Layak atas apa jua sebab sekalipun.

Pemegang Kad Debit Hong Leong atau Pemegang Kad Debit Mach yang tidak menerima SMS dan EDM dianggap tidak layak menyertai Promosi ini dan HLB tidak akan melayani sebarang pertikaian mengenai ketidakterimaan SMS dan EDM oleh Pemegang Kad Debit Hong Leong.

2. Promosi ini **TIDAK** terbuka kepada pelanggan Kad Debit-i Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) (686191-W).
3. Pemegang Kad Debit Hong Leong atau Pemegang Kad Debit Mach yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan/atau HLISB atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada HLB atau HLISB atau institusi kewangan lain atau oleh mana-mana pihak ketiga (ke-3)) atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.

KAEDAH PROMOSI

4. Untuk menyertai Promosi ini, Pemegang Kad Layak dikehendaki melakukan minimum **enam (6)** transaksi Kad Debit (sepertimana ditakrifkan dalam Fasal 5 hingga 7 di bawah) tidak kira berapa jumlahnya menggunakan Kad Debit Hong Leong mereka semasa Tempoh Promosi (“Kriteria Promosi”) untuk menerima pulangan tunai **Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10)** (“Pulangan Tunai”).
5. Transaksi Kad Debit bermaksud transaksi Kad Debit Hadir dan Kad-Tidak-Hadir termasuk tetapi tidak terhad kepada pembelian runcit di tempat jualan dalam negara dan luar negara (Sentuhan dan/atau Tanpa Sentuhan), pembelian dalam talian, pengebilan automatik dan tambah nilai Touch ‘n Go yang berjaya direkodkan dan dicatatkan dalam Akaun Pembelian Runcit Kad Debit Pemegang Kad Layak (“RPA”) tetapi **TIDAK TERMASUK** transaksi berikut:
 - (a) Pengeluaran wang dari Mesin Juruwang Automatik (“ATM”);
 - (b) Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan/tidak sah, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang;
 - (c) Pembayaran Fi Pengeluaran/Fi Tahunan/Fi Pembaharuan Kad Debit; dan
 - (d) Apa-apa bentuk lain perkhidmatan atau fi pelbagai (termasuk Caj Penalti) yang dikenakan oleh HLB.
6. Transaksi Kad Debit yang dibuat dalam mata wang asing akan ditukar dan dikira dalam Ringgit Malaysia (RM) berpandukan kadar penukaran yang ditentukan oleh HLB pada masa transaksi.
7. Pemegang Kad Layak hanya boleh menyertai Promosi ini dengan satu (1) Kad Debit Hong Leong.

8. HLB akan menjejaki kelayakan Pemegang Kad Layak secara automatik pada penghujung Tempoh Promosi berdasarkan Kriteria Promosi yang dipenuhi. Pendaftaran penyertaan tidak perlu.
9. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan menghantar dan/atau memaparkan dalam RPA Pemegang Kad Layak mengenai transaksi Kad Debit berkenaan yang mungkin menyebabkan Pemegang Kad Layak tertinggal daripada menerima atau tidak berhak mendapat Pulangan Tunai bagi Promosi ini.
10. Pembayaran Jumlah Pulangan Tunai dihadkan setakat **Ringgit Malaysia Satu Ribu sahaja (RM1,000)** di bawah Promosi ini dan dihadkan kepada **satu ratus (100)** Pemegang Kad Layak sepanjang Tempoh Promosi. Setiap Pemegang Kad Layak berhak mendapat **Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10)** sahaja tanpa mengira bilangan Kad Debit yang dimilikinya dengan HLB.
11. Kad Debit Hong Leong Pemegang Kad Layak berserta dengan RPA mereka mestilah kekal dibuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum **Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200)** dari **1^{hb} September 2017** hingga **31^{hb} Disember 2017** bagi tujuan mengkreditkan Pulangan Tunai, jika tidak, Pemegang Kad Layak akan terlucut kelayakan daripada menerima Pulangan Tunai dan Pulangan Tunai itu akan dilupuskan.
12. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam RPA Pemegang Kad Layak selewat-lewatnya **31^{hb} Disember 2017**. Namun begitu, HLB tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan mengkreditkan Pulangan Tunai tersebut.
13. Pemegang Kad Layak akan diberitahu oleh HLB sebaik sahaja Pulangan Tunai berjaya dikreditkan sama ada secara bertulis, melalui panggilan telefon, melalui SMS, dengan cara menyiarkan nama dan nombor Kad Debit Hong Leong Pemegang Kad Layak (dalam bentuk terlindung) dalam Laman Web HLB di www.hlb.com.my ("Laman Web HLB") atau apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh HLB selewat-lewatnya **31^{hb} Disember 2017**.
14. Pemegang Kad Layak yang tidak menerima pemberitahuan tersebut daripada HLB pada atau sebelum **31^{hb} Disember 2017** dianggap **TIDAK** berhak mendapat Pulangan Tunai.
15. Pemegang Kad Layak adalah bertanggungjawab memberitahu HLB secara bertulis selewat-lewatnya **31^{hb} Januari 2018** jika tidak menerima Pulangan Tunai, kegagalan berbuat demikian, mereka akan dianggap telah menerima Pulangan Tunai daripada HLB.
16. Pemegang Kad Layak dengan ini memberi keizinan mereka dan membenarkan HLB untuk mendedahkan nama, nombor telefon bimbit dan alamat emel mereka kepada vendor yang dilantik bagi tujuan Promosi ini.
17. Khidmat SMS dan EDM bagi Promosi ini masing-masing disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) ("M3Tech") dan DCatalyst Sendirian Berhad (819292-U) ("DCatalyst"); vendor SMS dan EDM yang dilantik secara rasmi oleh HLB.
18. Pemegang Kad Layak juga dengan ini memberi keizinan mereka dan membenarkan HLB untuk mendedahkan nama, nombor Kad Debit Hong Leong (dalam bentuk terlindung) atau foto mereka dalam bahan media, pemasaran atau pengiklanan bagi tujuan Promosi ini.

UMUM

19. Dengan menyertai Promosi ini, Pemegang Kad Layak:
 - (i) Telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S Promosi;
 - (ii) Bersetuju bahawa T&S di dalam ini, Terma dan Syarat Akaun Hong Leong dan Terma dan Syarat Kad Debit Hong Leong yang mengawal transaksi RPA dan Kad Debit, atau mana-mana terma dan syarat berkenaan yang mungkin dikenakan oleh HLB dari semasa ke semasa, hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan T&S tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan jika terdapat sebarang percanggahan;
 - (iii) Bersetuju bahawa Pulangan Tunai tidak boleh ditukar milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barangan;
 - (iv) Bersetuju bahawa keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad Layak dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayani; dan
 - (v) Bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S.
20. HLB mempunyai hak untuk:

- (i) Menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, termasuk tetapi tidak terhad kepada menggantikan Pulangan Tunai dengan tawaran atau produk lain yang sama nilainya atas budi bicara mutlaknyanya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh HLB;
 - (ii) Melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap sesuai oleh HLB atau budi bicara mutlaknyanya daripada menyertai Promosi ini dan/atau berhak mendapat Pulangan Tunai; dan
 - (iii) Melupuskan Pulangan Tunai jika Pemegang Kad Layak tidak mematuhi T&S di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Hong Leong dan Terma dan Syarat Kad Debit Hong Leong.
21. Pemegang Kad Layak dipertanggungjawabkan dan akan menanggung sendiri segala cukai berkeajaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkeajaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
22. T&S di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
23. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Akaun Semasa atau Simpanan adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).